



AMINUDDIN menyerahkan geran hak milik kepada seorang peneroka Felda pada majlis semalam. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

# Hadiah Aidilfitri

Seramai 166 peneroka Felda Raja Alias Satu dan Dua terima geran hak milik tanah selepas menanti lebih 35 tahun

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

## Jempol

Penantian penuh sabar lebih 35 tahun ternyata berbaloi apabila 166 peneroka Felda Raja Alias Satu dan Dua di sini, akhirnya menerima geran hak milik tanah masing-masing semalam.

Peneroka, Md Yusof Hamzah, 68, menyifatkan pemberian itu sebagai 'hadiah' Aidilfitri paling bermakna selepas membanting tulang sekian lama mengusahakan tanah itu.

"Alhamdulillah, kegembiraan ini dikongsi bersama seluruh keluarga. Kehi-

dutan di Felda banyak mengubah nasib kami sekeluarga.

"Saya mula menyertai Felda selepas menamatkan perkhidmatan sebagai anggota tentera pada tahun 80-an. Saya turut hadir temuduga sebelum lulus dan layak menjadi peneroka Felda pada 1987," katanya.

Seorang lagi peneroka, Mohd Sahar Idris, 65, menyifatkan pemberian geran hak milik tanah itu ibarat 'bulan jatuh ke riba'.

"Saya tidak menyangka kerajaan Negeri Sembilan akan menyerahkan geran seminggu sebelum Aidilfitri.

"Syukur dan gembira kerana semuanya sudah selesai apabila geran menjadi

hak milik sepenuhnya sekali gus mengakhiri penantian lebih 35 tahun," katanya dari Felda Raja Alias Dua.

Majlis penyerahan geran hak milik tanah kepada peneroka itu disempurnakan Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun di Dewan Besar Pejabat Daerah dan Tanah Jempol di sini, semalam.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik; Pengurus Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong dan Pegawai Daerah Jempol, Nawal Mohamed Amin.

Aminuddin dalam ucapannya berkata, seramai 111

peneroka dari Felda Raja Alias Satu dan 55 peneroka dari Felda Raja Alias Dua menerima geran hak milik berkenaan.

Katanya, terdapat 26 peneroka dari Felda Raja Alias yang masih belum menerima hak milik dan berharap Felda dapat menyelesaikan isu berkenaan yang tertangguh sejak 2007.

"Kerajaan negeri akan memastikan nasib 26 peneroka terbabit diberi perhatian sewajarnya dan diselesaikan dengan secepat mungkin.

"Bagi peneroka dan waris yang menerima geran, janganlah hak milik ini dengan baik selain perlu melunaskan cukai tanah mengikut tarikh ditetapkan," katanya.